


Carta Alir Pinjaman Rekod Perubatan Pesakit (RPP) Masuk Wad/ Temujanji Klinik

Unit Rekod Perubatan, Hospital Pengajar UPM



Tatacara Pengendalian Rekod Perubatan Pesakit

Wad

Penyelia/Ketua Jururawat di wad adalah bertanggungjawab menyelaras pengurusan RPP. Perkara-perkara yang perlu dilakukan ialah:

1. Menguruskan RPP dengan cara yang teratur dan selamat.
2. Memastikan anggota yang dibenarkan sahaja, membawa RPP dari satu tempat ke satu tempat di dalam hospital.
3. Melakukan pemantauan pergerakan/pinjaman RPP semasa di wad.
4. Mengesan RPP terdahulu, sekiranya pesakit pernah dimasukkan.
5. Setelah pesakit didiscaj, anggota yang bertanggungjawab di wad perlu melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - Memastikan ringkasan discaj disediakan oleh Pegawai Perubatan yang bertanggungjawab.
 - Menyemak, menyusun dan memastikan RPP mengandungi dokumen yang lengkap dan disusun mengikut susunatur yang ditetapkan.
 - Memastikan RPP dihantar ke Unit Rekod Perubatan dengan keadaan baik dalam tempoh 72 jam selepas discaj.

Klinik

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab mengurus dan menjaga keselamatan RPP di klinik. Perkara-perkara yang perlu dilakukan ialah:

1. Mengurus dan menyimpan RPP yang dipinjam dari Unit Rekod Perubatan secara teratur dan memastikan RPP tidak diambil oleh individu yang tidak berkenaan.
2. Mengesan RPP terdahulu, sekiranya lawatan pesakit bukan untuk kali yang pertama. Pewujudan fail baru untuk pesakit baru sahaja.
3. Menyemak, menyusun dan memastikan RPP mengandungi dokumen yang lengkap dan disusun mengikut susunatur yang ditetapkan.
4. Memastikan anggota yang dibenarkan sahaja, membawa RPP dari satu tempat ke satu tempat di dalam hospital.
5. Memastikan RPP dihantar ke Unit Rekod Perubatan dengan keadaan baik dalam tempoh 24 jam selepas klinik selesai (hari bekerja).

Permohonan daripada klinik-klinik untuk kes temujanji hendaklah dikemukakan ke Unit Rekod Perubatan selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh temujanji.

Bagi pesakit yang datang ke klinik tanpa temujanji (*walk-in*), RPP perlu dikesan pada hari yang sama.